

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SAMBUTAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN
PERINGKAT KEBANGSAAN

TEMPAT: TAMAN PERTANIAN, BUKIT CAHAYA SERI ALAM, SELANGOR D.E

TARIKH: 20 AUG 1991

MASA:

Saya merasa sukacita dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dapat sekali lagi hadir bersama-sama dengan wakil-wakil peladang, penternak dan nelayan seluruh negara sempena Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1991.

2. Sesungguhnya, perjumpaan kita pada pagi ini membawa erti yang besar kerana para peladang, penternak dan nelayan merupakan golongan yang tetap penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Sambutan majlis tahun ini juga penting kerana ianya merupakan detik permulaan perubahan terhadap pembangunan pertanian negara di mana cabaran-cabaran yang lebih besar akan dihadapi oleh peladang, penternak dan nelayan di masa akan datang. Walaupun sektor perindustrian merupakan teras pembangunan negara di masa hadapan, sektor pertanian akan tetap mendapat perhatian berat daripada Kerajaan. Dengan pertumbuhan yang pesat dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan, sektor pertanian perlu dipertingkatkan supaya kecanggihan sektor ini tidak ketinggalan berbanding dengan sektor pembuatan. Banyak cara pertanian dan bidang-bidang yang belum dicuba di negara boleh meningkatkan peranan pertanian dalam menyumbang kepada pendapatan petani dan pembangunan negara. Memandangkan kepada kemungkinan ini, maka Revolusi menjadi perkataan yang tepat dalam tema perayaan tahun ini, iaitu "Revolusi Makanan dan Pertanian Menjelang 2020".

3. Dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2), sektor pertanian dijangka akan berkembang pada kadar 3.5 peratus setahun. Walaupun kadar pertumbuhan ini adalah lebih rendah berbanding dengan sektor-sektor ekonomi yang lain, pertanian akan terus merupakan satu kegiatan utama di dalam ekonomi terutamanya ekonomi luar bandar. Sehubungan dengan ini, adalah penting produktiviti sektor pertanian ditingkatkan lagi supaya menjadi lebih efisien dari segi kos dan daya-saing. Usaha yang lebih gigih juga perlu dibuat bagi meningkatkan kecanggihan kerja-kerja ladang, mutu pengurusan dan tenaga kerja di kalangan peladang, penternak dan nelayan.

4. Pertumbuhan dan daya maju sektor pertanian memerlukan kita mengubah cara pertanian yang tradisional dan yang lama

kepada yang bercorak lebih komersil. Ini bermakna para peladang bukan sahaja perlu menggunakan teknologi yang canggih, tetapi juga perlu mengamalkan pengurusan yang lebih tersusun dan bercorak perladangan. Di samping itu, tumpuan harus diberikan kepada pengeluaran tanaman yang bernilai tinggi dan berorientasikan pasaran. Dengan cara ini, para peladang bukan sahaja akan mendapat hasil yang lebih tinggi, tetapi juga menggunakan sumber tanah mereka dengan lebih berkesan.

5. Perubahan-perubahan struktur dalam sektor pertanian memerlukan pengorbanan yang besar daripada peladang, penternak dan nelayan. Untuk berjaya tuan-tuan dan puan-puan harus peka dan bersedia menerima dan membuat perubahan-perubahan dalam amalan pertanian termasuk penggunaan teknologi-teknologi baru, percantuman tanah, pengurusan ladang secara moden dan sebagainya. Para peladang, penternak dan nelayan harus lebih inovatif, meningkatkan kepakaran dan berusaha dengan lebih gigih dalam merebut peluang-peluang pelaburan dalam sektor pertanian yang kian berkembang. Untuk mencapai hasrat ini, kita harus terbuka kepada idea-idea dan maklumat-maklumat yang baru dan mutakhir serta dapat menyesuaikan mengikut keadaan dan masa. Kita mesti menjadi seorang peladang, penternak dan nelayan yang serba mengetahui atau 'well-informed'. Apabila kita mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020 kita juga mahu melihat peladang, penternak dan nelayan kita turut sama maju. Para peladang, penternak dan nelayan juga patut menikmati segala kemudahan yang diperolehi oleh penduduk sebuah negara maju.

6. Sejak merdeka, kita telah maju begitu pesat daripada sebuah negara yang bergantung semata-mata kepada getah dan bijih timah sebagai sumber ekonomi kepada sebuah negara yang telah berjaya mempelbagaikan ekonominya. Sektor pertanian merangkumi pelbagai bidang, daripada pengeluaran, pengendalian lepas tuai, pemprosesan, pembungkusan sehingga kepada pengeksportan. Untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran barangan pertanian negara, kita perlu meningkatkan rantai yang lebih jitu di antara industri hiliran supaya lebih berdaya saing. Malahan, beberapa komponen perindustrian dan pembuatan bergantung terus kepada prestasi sektor pertanian. Dengan ini sektor pertanian, perindustrian dan pembuatan perlu memainkan peranan 'supplementary and complementary' bagi mencapai matlamat ke arah negara maju dalam tahun 2020.

7. Untuk memudahkan pencapaian matlamat ini, kita perlu menyusun satu cara baru dan berani melangkah jauh -- dalam bidang-bidang pengurusan, budaya kerja dan inovasi. Yang paling utama, Kerajaan, sektor swasta, para pekerja, pihak pengurusan, semua institusi, para peladang, penternak dan nelayan harus memahami matlamat dan jalan yang menuju ke arahnya.

8. Konsep Persyarikatan Malaysia, satu konsep yang berasaskan perkongsian di antara Kerajaan dan sektor swasta

di mana sektor awam dan swasta bersama-sama ditugaskan ke arah memastikan kejayaan dan menikmati keuntungan bersama adalah perlu dan akan diperkukuhkan. Penggemblerangan tenaga antara kedua sektor ini adalah penting untuk kemajuan dan pengembangan sektor pertanian, khususnya di bidang pengeluaran makanan dan pengintegrasian sektor pertanian dan sektor pembuatan.

9. Dengan bertambahnya pendapatan per kapita serta pertumbuhan ekonomi yang terus tinggi, corak permintaan bahan-bahan makanan akan terus berubah dan penekanan kepada aspek kualiti dan pengenalan atau presentation akan menjadi bertambah penting. Dengan corak pemakanan yang berbeza serta penambahan pendapatan, rakyat Malaysia dapat membelanjakan ke atas bahan-bahan makanan yang lebih menarik dan lebih bermutu seperti bahan-bahan yang mengandungi banyak protin dan sebagainya. Ini secara langsung akan menentukan corak bekalan makanan dan cara pemasaran yang perlu diwujudkan dalam negara.

10. Penggunaan per kapita untuk daging, buah-buahan dan sayuran dijangka akan terus meningkat. Ini bermakna bahawa bukan sahaja bekalan makanan tersebut perlu disesuaikan kepada permintaan, bahkan jumlah pengeluarannya perlu ditingkatkan selaras dengan daya belanja (spending power) yang meningkat dan jangkaan pertumbuhan penduduk. Dalam masa yang sama, bekalan-bekalan input perlu juga ditingkatkan, seperti bahan-bahan pemakanan kepada industri ternakan iaitu jagung bijirin, kacang soya dan sebagainya.

11. Dengan perkembangan sektor perindustrian, pertambahan pendapatan isi keluarga, peningkatan kadar penglibatan kaum wanita dan perubahan amalan pemakanan, maka permintaan untuk makanan-makanan yang sudah diproses termasuk 'fast-food' akan terus berkembang. Dalam masa yang sama, usaha-usaha perlu dijalankan untuk meningkatkan kesedaran dan kepentingan rakyat memakan makanan yang berkualiti, berkhasiat tinggi dan berzat. Dalam dekad 90-an, kesedaran rakyat mengenai pengeluaran hasil-hasil makanan secara 'organic', tanpa mengguna baja kimia, racun dan lain-lain akan juga meningkat. Rakyat sudahpun memilih makanan yang kurang mengandungi kolesterol, melebihi protin, mengurangkan garam, gula dan sebagainya. Rakyat kini lebih mengutamakan makanan yang mempunyai faedah kesihatan (nutritional and medicinal values) untuk kesejahteraan hidup masa depan. Perubahan permintaan oleh pengguna terutamanya oleh "pengguna hijau" (green consumer) dan lain-lain akan mempunyai implikasi kepada sistem dan kaedah pengeluaran pertanian yang sedia ada. Inilah aspek-aspek corak permintaan makanan yang dijangkakan dalam tahun 90-an dan mungkin dekad yang menyusulnya.

12. Dalam mengrevolusikan industri makanan ke arah tahun 2020, beberapa faktor perlu diambilkira yang akan merupakan asas atau garispanduan dalam menentukan dasar pengeluaran negara pada masa akan datang. Antara faktor-faktor ini termasuklah keselamatan makanan atau food security dan

faedah bandingan atau comparative advantage.

13. Pengeluaran makanan perlu mengambilkira aspek keselamatan makanan, meliputi 'staple food' iaitu makanan asas seperti nasi, ke paras yang sesuai selaras dengan peningkatan perubahan jumlah penduduk negara dan komponen-komponen penting makanan. Pengeluaran bahan-bahan tersebut akan didasarkan kepada struktur pengeluaran yang lebih efisien, moden dan berbentuk komersil serta memerlukan sokongan Kerajaan yang minima.

14. Beberapa jenis komoditi makanan yang dikeluarkan oleh negara ini menunjukkan bahawa kos 'factors of production' seperti upah, sewa tanah dan target margin pulangan kepada pengusaha kian bertambah. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai ciri-ciri 'high cost producer' dalam pengeluaran beberapa bahan makanan. Usaha-usaha harus dijalankan dengan lebih berkesan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampu mengeluarkan bahan-bahan pertanian termasuk komoditi makanan pada harga yang kompetitif, yang bukan sahaja dapat bersaing dengan bahan-bahan import malahan juga di pasaran antarabangsa.

15. Dalam memajukan pengeluaran komoditi makanan serta corak permintaan makanan yang dijangkakan di masa akan datang, peranan makanan yang diproses harus dijadikan sebagai satu fakta penggerak kepada proses perindustrian (agro-based industry) di masa akan datang. Hubungan 'forward' dan 'backward linkage' yang boleh diwujudkan oleh industri pengeluaran makanan kepada pembangunan sektor pembuatan perlu diterokai dan digunakan sepenuhnya termasuk dengan menggunakan bahan-bahan makanan mentah dari luar yang diproses di sini.

16. Pelaburan asing juga penting dan berkait rapat dengan usaha memodenkan pertanian dan mencari pasaran antarabangsa. Bagi kegiatan-kegiatan pertanian yang memerlukan pelaburan yang tinggi serta pengurusan projek yang cekap, khususnya jika ia melibatkan pengeluaran untuk luar negeri dan yang mana risikonya adalah tinggi, seperti perusahaan perikanan laut dalam, maka perlulah diwujudkan dengan jelas satu 'business and investment environment' yang sesuai untuk menarik pelabur-pelabur, termasuk pelabur-pelabur tempatan.

17. Dalam masa yang sama, pengeluaran makanan juga perlu mengambilkira pertimbangan mengenai alam sekitar dan kos kepada masyarakat. Antara persoalan yang timbul ialah sejauh mana pencemaran perlu dititikberatkan dalam dasar pengeluaran makanan pertanian dan sejauh manakah pula kepentingan rakyat melebihi kepentingan pengusaha persendirian? Apakah kemungkinan-kemungkinan teknologi yang ada dan akan ada serta perlu diwujudkan yang akan membolehkan pencapaian aspek "sustainability" iaitu yang boleh dikekalkan tanpa menjejaskan daya persaingan kita? Kesemua kita yang ada hari ini perlu mencari jawapan kepada persoalan-persoalan ini.

18. Kesemua strategi dan program yang diusahakan oleh Kerajaan tidak akan dapat dicapai hanya dengan cetusan idea-idea sahaja. Ianya perlu dirancang dengan rapi, dijalankan dengan baik dan diawasi perkembangannya. Ianya perlu kepada semangat dan dedikasi serta penggemblengan tenaga seluruh lapisan masyarakat termasuk pegawai-pegawai Kerajaan, sektor swasta, peladang, penternak dan nelayan serta orang perseorangan. Kejayaan untuk memajukan dan mengtransformasi sektor pertanian supaya bergerak sama cepat dengan sektor-sektor lain adalah tanggungjawab kita bersama.

19. Dengan ini, saya dengan kata-kata Bismillahir rahmanir rahim dengan sukacitanya merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 1991.